

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2018

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg.Prof/Tuan/Puan,

PINDAAN KADAR BAYARAN PENGAJAR SAMBILAN KOKURUKULUM

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa terdapat pindaan pada kadar bayaran pengajar sambilan kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Pada masa ini kadar bayaran pengajar/jurulatih sambilan kokurikulum adalah berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil 4/2013.

2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2018 yang telah bersidang pada 13 Februari 2018 telah bersetuju dengan Cadangan Perubahan Kadar Elaun Pengajar Kokurikulum Di Pusat Pengajian Umum Dan Kokurikulum.

3.0 TAFSIRAN

Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam pekeling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti :

3.1 "Pengajar" bermaksud orang yang berkelayakan untuk mengajarkan sesuatu matapelajaran, bidang ilmu dan kemahiran.

4.0 KADAR BAYARAN PENGAJAR KOKURIKULUM

4.1 Kadar baru bayaran pengajar kokurikulum adalah seperti berikut :

Bil	Aktiviti	Kadar Sejam (RM)	Jam Pertemuan Per Semester	Jumlah (RM)
1.	Kuliah / Amali	50.00	28 jam (14 minggu x 2 jam/minggu)	1,200.00
2.	Aktiviti luar kelas	50.00	14 jam	900.00
JUMLAH			42 jam	2,100.00

4.2 Jumlah maksimum yang boleh dituntut mengikut jam pertemuan adalah sebanyak RM 2,100.00 per semester.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka klausa di dalam pekeliling berikut adalah dibatalkan :

5.1 Klausa 3.1, 3.2 dan 3.3 di dalam Pekeliling Bendahari Bil 4/2013 – Pindaan Kadar Bayaran Pengajar / Jurulatih Sambilan Kursus Kokurikulum.

6.0 KUATKUASA PEKELILING


Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai **Semester II - Sesi 2017/2018**.

Kerjasama dari YBhg.Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan surat pekeliling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



AZIZAH BT NASRI

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam